

## Pemikiran dan Sumbangan Fethullah Gulen Dalam Dialog Antara Agama

Ahmad Faizuddin bin Ramli

*Department of Social Sciences*

*Faculty of Humanities and Social Sciences, Nilai University*

*Email: faizuddin@nilai.edu.my*

---

### Article history

Received: 2016-11-18

Received in revised form: 2017-01-27

Accepted: 2017-01-28

### Abstract

The correlation between religion, race, and culture lead to the establishment of human civilisation. Peoples from different background were able to have mutual understanding and develop harmonious society. Primarily, spiritual practices empower this civilisation and create perfect soul. A distinguished scholar named Fethullah Gulen is a leading scholar of his own theories in inter-religious dialogue local and international context. This article aims to discuss on the ideas of Fethullah Gulen especially relates to the interfaith dialogue. This is a qualitative research where it applies literature review as its method and design. The outcome of this research is the thought of Fethullah Gulen in inter-religious dialogue influenced by Said al-Nursi (the leaders of the Turkish-Islamic thinker). The approach of Said and Fethullah highlights element of tolerance and mutual dialogue. Fethullah Gulen movement appears to be more active through education using distinctive mediums of ideas.

*Keywords:* interreligious dialogue, Fethullah Gulen, religious tolerance, Gulen movement, religious pluralism

### Abstrak

Peradaban umat manusia terbina dengan wujudnya interaksi dalam aspek agama, bangsa dan budaya. Melalui interaksi yang berlangsung, masyarakat dari pelbagai latar belakang akan dapat saling mengenali seterusnya membina persefahaman dalam membangunkan sebuah masyarakat yang harmoni. Asasnya adalah daripada jiwa yang suci yang terhasil dari amalan kerohanian. Berpasak daripada ini, Fethullah Gulen merupakan sarjana yang terkehadapan dari sudut pemikirannya dalam dialog antara agama dalam konteks lokal dan global. Justeru, artikel ini akan membincangkan pemikiran Fethullah Gulen dalam dialog antara agama. Metode kajian adalah bersifat kualitatif melalui kajian kepustakaan dan pendekatan sejarah. Kajian mendapati, pemikiran Fethullah Gulen dalam dialog antara agama sebahagian besarnya terkesan daripada pemikiran tokoh pemikir Islam Turki, Said al-Nursi dalam menekankan pendekatan toleransi dan dialog. Selain itu, pendekatan Gulen khususnya melalui pergerakan Gulen dilihat lebih aktif dalam mengembangkan ideanya menerusi pendidikan dalam pelbagai medium.

*Kata kunci:* Dialog antara agama, Fethullah Gulen, toleransi agama, Gerakan Gulen, pluralisme agama.

## 1.0 PENDAHULUAN

Fethullah Gulen atau nama sebenarnya Hodjaefendi Fethullah Gülen dilahirkan pada 27 April 1941 in Erzurum, Turki. Beliau merupakan tokoh sarjana Islam Moderat Turki yang terkenal dengan gagasan toleransi dalam dialog antara agama, sama ada dalam konteks lokal dan global. Selain bergelar sarjana Islam, Fethullah Gulen turut digelar sebagai penulis, penyair, pemimpin pembangkang, aktivis pendidikan, aktivis keamanan, serta tokoh ilmuwan Islam agung. Ketokohan dan pengaruh beliau menjadi pencetus kepada pergerakan masyarakat sivil dunia yang dikenali sebagai Pergerakan Gulen atau *Hizmet*. Pergerakan ini menjadi proksi kepada idealisme Gulen untuk memberi sumbangan dalam aspek pendidikan, dialog, keamanan, keadilan sosial dan keharmonian. Dalam aspek pendidikan, pengaruh beliau signifikan menerusi penubuhan 140 sekolah di Amerika Syarikat secara persendirian yang mencatatkan jumlah pelajar mencecah 45 ribu. Manakala dalam aspek penulisan, Gulen telah menulis sebanyak 83 buah buku; iaitu 66 di dalam Bahasa Turki dan 17 dalam Bahasa Inggeris. Pelbagai isu yang dibincangkan Gulen dalam penulisannya termasuklah sosiologi, politik, agama, seni, sains dan sukan.

Di atas ketokohan, pengaruh serta sumbangannya, Gulen selama tujuh tahun berturut-turut (2009 – 2015) disenaraikan dalam kalangan 500 tokoh Islam yang paling berpengaruh di dunia (*The World's 500 Most Influential Muslims*) (Schleifer, 2015). Menurut Salih Yucel (2010), warta berita global terkenal *The Economist* turut menyenaraikan Gulen sebagai individu yang paling berpengaruh dalam dunia sarjana Islam, selain dari *Foreign Policy* yang meletakkannya kalangan 100 intelektual awam. Gulen merupakan pendakwah, pemikir dan pendidik yang dianggap sebagai penyambung legasi gerakan al-Nursi sehingga pengaruhnya menjadi fenomena dalam konteks global. Justeru, dalam kalangan sarjana seperti Douglas Pratt, Salih Yucel, Pim Valkenberg, Efrat E. Aviv Mucahit Bilici, dan Tugrul Keskin bersepakat bahawa pemikiran Gulen dipengaruhi dengan pemikiran Said al-Nursi antaranya melalui karyanya *Risalah al-Nur*. Selain itu, beberapa tokoh yang dilihat memberi kesan kepada pemikiran Gulen adalah Alvarli Muhammad Lutfi yang merupakan seorang ahli sufi; Mehmet Akif, seorang penyair kebangsaan; Necip Fazil, seorang intelektual dan penyair; dan Muhammed Hamdi Yazir, ahli tafsir Quran. Menurut Ozdalga, tradisi pemikiran Islam Sunni Ortodoks, tradisi Sufi Naqsyabandi dan *Nurculuk* (Gerakan Nur) telah membentuk pemikiran Gulen (Salih Yucel, 2010).

Kemasyhuran dan pengaruhnya di Turki telah menjadi pencetus kepada pergerakan sosial sekaligus merubah landskap politik Islam di Turki. Antara tumpuan utama Gulen adalah mereformasi masyarakat dengan memperuntukkan masa selama beberapa tahun membudayakan program dialog antara agama melalui sepuluh Institut Antara Agama di Eropah dan Amerika Syarikat. Kewujudan institusi ini membantu untuk meningkatkan hubungan yang lebih baik antara penganut agama. Selain itu, Gulen terlibat dalam mengetuai beberapa siri sosial yang berorientasikan kepada filantropi. Dalam mesej filantropi, Gulen selalu menekankan ‘*selagi mana tidak ada kekurangan dalam dunia ini, maka tiada siapa yang berhak untuk berada dalam kebuluran.*’

Bahkan Gulen mempunyai hospital, televisyen, stesen radio, akhbar (*Zaman*’ dan *Today’s Zaman*) dan bank (*Asya Finans*) peribadi yang berkONSEPkan kebaikan. Keintelektualan Gulen diiktiraf sebagai tokoh pemikir dan penulis mewakili Gerakan Gulen. Gerakan ini juga signifikan peranannya sebagai medium dalam membina jaringan serta pengaruh terhadap umat Islam di seluruh dunia. Pengaruh yang dibina sebagai tindak balas dalam berhadapan terhadap modenisasi Islam dan hubungannya dengan idea dari Barat. Sebagai pengiktirafan, Belgium’s Catholic University of Leuven telah menggagaskan ‘Kerusi Fethullah Gulen’ untuk kajian akademik (The Royal Islamic Strategic Studies Centre, 2015).

Sejarah perjuangan pasti ada pasang surutnya, begitu juga dengan Gulen. Pada Mac 1972 selepas kudeta di Turki, Gulen antara figura agama pernah ditangkap dan ditahan selama empat bulan

atas tuduhan menghasut masyarakat di kota Iskandariyun (beliau membaca doa yang tidak formal), berserta dengan tahanan komunis yang lain, bagi menunjukkan kepada masyarakat bahawa pihak tentera tidak berkecuali menentang pihak lawan sama ada kalangan komunis atau tidak (Günter Seufert, 2014).

Penahanan tersebut tidak menjelaskan jiwa kesarjanaan Gulen dalam meneruskan baktinya kepada masyarakat. Pasca pembebasannya, beliau meneruskan aktiviti mengajar sehingga berlakunya kudeta kedua pada tahun 1980, dia telah bersara. Atas dasar kasih kepada Gulen, kalangan pengikut dan pendokong beliau mengambil langkah untuk menyambung legasi pemikirannya dalam bentuk yang lebih efektif melalui penubuhan Gerakan Gulen; yang dinamakan oleh golongan berhaluan kiri Turki sebagai *Fethullahcilar*, sementara golongan tradisionalis dan konservatif memanggilnya sebagai *Nurcu* (Gerakan Cahaya). Meskipun demikian, Gulen tidak pernah bersetuju terhadap penggunaan namanya kerana ia seolah-olah menafikan sumbangan pihak lain kepada gerakan tersebut (Salih Yucel, 2010). Gerakan Gulen telah melebarkan pengaruhnya dengan pesat melalui penubuhan ratusan institut pendidikan dan dialog di seluruh dunia.

Selain itu, Gulen turut berhadapan dengan pelbagai versi kritikan untuk mengekang pengaruhnya melalui banyak buku dan artikel daripada versi Turki mahupun Inggeris (Barat). Daripada versi Turki beliau dituduh sebagai agen CIA, Zionis, boneka Amerika, penasihat rahsia kepada Pope dan *Trojan Horse* Barat yang cuba untuk mengkristiankan Islam atau memudahkan eksploitasi kuasa Barat kepada dunia Islam melalui ajaran beliau. Manakala daripada versi Inggeris beliau dipotretkan sebagai anti-Semitik, anti-Barat, cuba untuk mengislamkan Kristian, Khalifah Othman baru dan Khomeini kedua yang cuba untuk menubuhkan khalifah Islam di dunia (Dogan Koc, 2011). Meskipun berhadapan dengan ‘pembunuhan karakter’, ia langsung tidak menjelaskan kewibawaan kesarjanaan Gulen sebagai tokoh yang berpengaruh dalam masyarakat. Selain syarahan, pengaruh Gulen terus memberi inspirasi kepada dunia Islam secara global untuk terus komited dalam mengejar matlamat keamanan, dialog dan nilai kemanusiaan merentasi seluruh peradaban sekali gus dapat menawarkan hujah yang mapan dalam menghadapi banyak andaian negatif terhadap umat Islam (Trudy D. Conway, 2014).

Komitmen Gulen dalam mereformasi masyarakat begitu tinggi sehingga beliau lebih mengutamakan tugasnya melebihi kepentingan dirinya. Hal ini menyebabkan beliau tidak mempunyai masa untuk memikirkan hal mendirikan rumah tangga, meskipun kerap disarankan oleh ibu dan rakan akrabnya untuk berkahwin. Setiap kali bila ditanya tentang perkahwinan, Gulen akan menjawab: “*Kesengsaraan yang dialami oleh umat Islam adalah terlalu dahsyat, justeru aku tiada masa untuk berfikir tentang diriku*” (Salih Yucel, 2010).

## 2.0 LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Di peringkat awal usia, Gulen tidak melalui pendidikan formal. Ini kerana di kampungnya ketika itu masih belum wujud pusat pendidikan. Justeru, ibu bapa beliaulah yang menjadi gurunya, sebelum beliau bertemu dengan beberapa tokoh guru yang hebat. Gulen mula belajar solat seawal usia empat tahun dan tidak pernah meninggalkan solat semenjak usia itu. Gulen merupakan seorang yang gemar membaca buku dan menghafaz al-Quran. Setiap kali ada waktu lapang terutamanya setelah selesai membantu menyelesaikan kerja-kerja rumah, beliau akan belajar. Peranan bapa Gulen sebagai Imam di kampung Alvar juga banyak membantunya menguasai bahasa Arab dan pembacaan al-Quran dengan baik sebelum beliau berguru dengan Haci Sidqi Efendi dalam Ilmu Qiraat.

Dalam aspek spiritual, pengetahuan gnostik, dan praktikal agama, Gulen dibimbing oleh Muhammad Lutfi, manakala dalam pengajian Bahasa Arab, Gulen mendapat pendidikan daripada Sadi Efendi. Gulen belajar al-Quran dengan Qari Haci Sidqi Efendi, dan pada usia 7 tahun beliau

berjaya menghafaz keseluruhan al-Quran. Erol Nazim Gulay (2007), dalam kajian kedoktorannya mendapati kebanyakan guru Gulen adalah kalangan pengamal dan pendokong pemikiran tasawuf daripada Jalaluddin al-Rumi. Ini juga menjadi titik tolak kepada kecenderungan Gulen dalam menguasai pemikiran tokoh tasawuf seperti al-Ghazali dan Ibn al-'Arabi. Pada tahun 1950-an, Gulen mula mempelajari teori-teori moden sosial dan sains fizikal. Gulen kemudiannya menyambung pengajiannya dalam metodologi Hadis sehingga beliau berjaya menghafaz hadis yang autentik daripada keenam-enam *Sunan Sittah*. Minat Gulen dalam mendalami pelbagai disiplin ilmu pengetahuan tidak pernah kendur, justeru beliau turut mendalami ilmu retorik, falsafah, sejarah Islam, teologi, dan fiqh. Dalam fasa pembinaan kefahaman terhadap prinsip asas sains moden, Gulen mengkaji karya-karya klasik falsafah moden daripada Aristotle, Marcus, Descartes, Kant, Camus, dan Sartre. Pengalaman Gulen dalam menimba ilmu pengetahuan sangat komprehensif kerana beliau menuntut pelbagai disiplin ilmu dengan guru yang berbeza pada suatu masa.

Beliau berjaya menamatkan pengajiannya di peringkat madrasah dalam tempoh masa yang singkat. Dalam bentuk pendidikan formal, Gulen pernah melanjutkan pengajiannya di peringkat diploma dan melepassi peperiksaan tersebut dengan jayanya. Gulen juga pernah mengambil peperiksaan untuk mendapat tauliah sebagai pengkhutbah pada tahun 1959, dan ironinya karier beliau sebagai pengkhutbah bagi pihak kerajaan bermula seawal tahun 1953 (Bulent Aras dan Omer Caha, 2000). Beliau lulus dalam peperiksaan yang dikendalikan oleh Jabatan Urusan Agama (*Diyanet İşleri Başkanlığı*) Turki, sehingga berjaya mendapat tauliah sebagai pengkhutbah. Manakala pada tahun 1958, beliau kemudiannya bertugas di masjid di Edirne. Seterusnya beliau ditukarkan ke Izmir, dan di sanalah bermulanya kumpulan yang sebelum itu dikenali sebagai komuniti Izmir. Salih Yucel (2010) ketika melakukan pemerhatian selama lapan hari terhadap Gulen, berpeluang bertemu dengan pelajar dan rakan karib Gulen, termasuklah Professor Suat Yildirim, mantan dekan Fakulti Ketuhanan di Sakarya. Perihal peribadi Gulen dikongsikan oleh Yildirim:

*“Aku mengenali Gulen ketika dia mula menjadi imam di Edirne pada awal tahun 1959. Dia sangat tinggi intelek dan minat belajar. Dia membaca karya klasik Timur dan Barat. Inilah bagaimana Gulen memerihalkan dirinya sekali gus membezakan dengan imam semasa dan pemimpin agama. Dengan memperuntukkan jumlah yang lebih besar daripada gajinya, dia membeli buku-buku dan jurnal, membacanya, dan kemudian memberikan kepada orang lain untuk membacanya. Beliau akan menghabiskan sebahagian besar masanya pada setiap hari di perpustakaan Edirne untuk membaca buku-buku sejarah lama. Gaya kehidupan beliau sangat zuhud, di mana beliau hanya makan dalam kuantiti yang sedikit, tidur dalam beberapa jam, selebihnya banyak menghabiskan masa sehariannya dalam melakukan ibadah. Antara pencetus kepada titik tolak perubahan dalam hidupnya adalah ketika beliau bertemu dengan salah seorang daripada pelajar Said Nursi (1877-1960) yang memandunya untuk membaca Risalah al-Nur. Lantaran daripada itu, Gulen terinspirasi daripada pengalaman kerohanian Nursi di samping gagasan ‘Peraturan Emas’ (Golden Rules) yang digagaskannya untuk memberi khidmat kepada manusia. Justeru beliau mengimplementasikan gagasan tersebut sebagai suatu prinsip dalam Hizmet untuk berkhidmat kepada masyarakat. Matlamat utama Gulen adalah untuk mendidik generasi muda daripada sains sekular dan agama untuk menyelesaikan masalah kejahilan yang dapat menghalang mereka daripada terkena penyakit rohani.”*

Sikap Gulen turut dikongsi oleh Dr. Ismail Buyukcelebi, rakan Gulen selama hampir empat puluh tahun:

*“Aku telah berkawan dengan Gulen sejak sekolah menengah. Gulen pernah mengajar di Izmir mengajar rakan-rakan aku yang lain ketika berada di Sekolah Agama Kestane Pazari Quran. Dia bukan sahaja mengajar kami, bahkan turut menjadi mentor kami. Dia sanggup untuk tinggal dalam stor bersebelahan dengan bangunan sekolah. Kehidupannya sangat sederhana dan dia banyak menghabiskan sebahagian besar daripada gajinya untuk perbelanjaan pelajar yang miskin. Masa beliau banyak dihabiskan dengan melakukan ibadah*

dan pengajian serta mengelak daripada aktiviti yang tidak bermanfaat atau berbaur politik. Gulen bukan sahaja berucap di masjid, bahkan di tempat-tempat lain seperti kedai kopi, universiti dan institusi-institusi yang lain. Tidak seperti pendakwah lain, ucapan Gulen memberi penekanan kepada sains dan agama, masalah sosial, dan nilai keintelektualan. Ucapan beliau banyak memberi inspirasi di samping pendekatan yang intelek menarik minat ramai pelajar universiti, komuniti ahli perniagaan kelas pertengahan, dan jemaah masjid. Gulen menggunakan pengaruhnya untuk menggalakkan orang persendirian untuk membuka asrama, kolej persediaan, sekolah terbuka, media dan syarikat penerbitan dan pusat-pusat pembangunan masyarakat.”

Kesungguhan dan kewibawaan Gulen dalam kariernya sebagai guru sehingga digelar oleh pengikutnya sebagai *hocaefendi* yang merujuk kepada guru terhormat. Dalam setiap syarahannya, Gulen suka membincangkan topik al-Quran dan Sains kontemporari, perspektif Islam terhadap Darwinisme serta keadilan sosial dalam Islam. Penguasaan beliau terhadap sumber ilmu dari Islam dan falsafah Barat membolehkan beliau melakukan perbincangan dengan baik dan senang untuk diterima mana-mana pihak. Di media televisyen, Gulen tidak ketinggalan untuk muncul di kaca TV sebagai penceramah. Bahkan bukunya sering menjadi jualan terbaik di Turki (Bulent Aras & Omer Caha, 2000).

Berdasarkan latar belakang pengalaman dan pendidikan Gulen yang dibentuk daripada disiplin ilmu dan persekitaran yang berbeza menjadikan beliau seorang tokoh pemikir dan intelektual Islam yang kritis. Sebelum beliau terjun ke dalam ilmu sains moden dan falsafah, Gulen terlebih dahulu membina jati dirinya dengan menguasai ilmu-ilmu agama. Justeru dalam berhadapan dengan gelombang modenisasi Islam, beliau dapat menghadapinya dengan hujah dan perbahasan yang baik, selaras dengan penguasaan beliau dalam ilmu agama dan sains moden. Hal ini disebabkan kekuatan spiritual Gulen yang menjadi sumber kepadanya untuk menguasai dan memahami pelbagai disiplin ilmu. Selain itu, sifatnya yang begitu cintakan ilmu pengetahuan dan penuntut ilmu terserah, walau di mana sahaja beliau mengajar.

### 3.0 PEMIKIRAN DALAM DIALOG ANTARA AGAMA

Pemikiran Gulen tentang dialog antara agama dapat disoroti dalam beberapa karyanya, antaranya *Dialogue Is a Must* (2003), *Jews and Christians in the Qur'an* (2003) *Turkish Experience of Muslim-Christian Dialogue: Past and Present* (2004), *Tolerance and Dialogue in the Perspective of the Qur'an and Sunna* (2006), *Love, Compassion, Tolerance, and Forgiving: The Pillars of Dialogue* (2006), *How to Interact with Followers of Other Religions* (2006), *Islam's Ecumenical Call for Dialogue* (2006), *Dialogue with the People of the Book (Jews and Christians)* (2006) dan *Towards a Globalization of Love & Tolerance* (2012). Pemikiran Gulen dalam dialog antara agama bertitik tolak daripada worldview beliau terhadap signifikannya agama dalam kehidupan masyarakat dan dunia. Menurut Gulen (2003), dunia kontemporari menyaksikan berlakunya pelbagai peristiwa sama ada peperangan, isu pencemaran dan bencana alam, serta keruntuhan nilai moral manusia. Hal ini telah menginisiatifkan beliau kepada usaha-usaha untuk menghadapinya dengan mesaj keamanan, keadilan, toleransi, dialog dan pemulihan serta pembinaan semula sistem ekologi. Pada masa sama, cabaran untuk meruntuhkan peradaban manusia sentiasa wujud, umpamanya dengan penghasilan senjata pemusnah, pelambakan bahan pornografi melalui media massa dan sebagainya. Punca kepada ketidakseimbangan; antara manusia dengan alam semula jadi, antara gender lelaki dan wanita, menurut Gulen adalah kerana dunia pada hari ini yang dikuasai oleh golongan materialis yang membataskan fungsi agama dalam kehidupan.

Fungsi agama adalah mengharmonikan kontradiksi antara suatu elemen yang dilihat sebagai suatu yang eksklusif; sama ada agama-sains, kehidupan semasa dan akan datang, fitrah Ketuhanan, material-spiritual, dan spiritual-jasad. Agama mampu untuk membangunkan suatu sistem pertahanan bagi menghadapi kerosakan yang disebabkan oleh sains materialis, dengan menempatkan semula

sains pada posisi yang betul seterusnya menamatkan antara konflik yang berpanjangan kalangan bangsa dan masyarakat. Fitrah sains yang seharusnya dilihat sebagai wadah untuk membawa manusia kepada tuhan malangnya menjadi punca kepada ketidakpercayaan kepada Tuhan. Masalah ketidakpercayaan dan jauh dari Tuhan inilah yang menjadi barah kepada masyarakat Barat. Mendepani cabaran yang berlaku ini, Gulen menekankan kepada pembudayaan dialog antara agama, dan dalam konteks Barat adalah dialog dengan penganut Kristian yang merupakan agama yang paling dominan (Gulen, 2003).

Matlamat dialog antara agama-agama dunia menurut Gulen bukanlah sekadar untuk menghapuskan elemen materialisme sains dan pendekatannya yang bahaya, kerana ia merupakan tuntutan agama. Sama ada daripada Yahudi, Kristian, Islam, Hindu, Buddha serta agama-agama lain, asas sumber yang diterima adalah sama, justeru kesemuanya mempunyai matlamat yang sama. Gulen berpegang kepada semua Nabi dan kitab wahyu dihantar kepada setiap individu yang berbeza sepanjang sejarah manusia dan ia merupakan prinsip yang penting pada seorang Muslim. Justeru Muslim yang sebenar adalah yang mengikuti Ibrahim, Musa, Daud, Isa dan para Nabi yang lain.

Perbincangan antara penganut agama memerlukan kepada mengiktiraf konsep ketauhidan sebagai asas kesatuan agama yang merupakan rahmat daripada Tuhan. Justeru agama merupakan sistem kepercayaan yang membawa semua bangsa, dan kepercayaan, satu jalan kepada persaudaraan. Mesej cinta, hormat, toleransi, kemaafan, rahmat, hak asasi manusia, keamanan, persaudaraan, dan kebebasan dimuliakan oleh agama bahkan telah dibawa dan menjadi keutamaan daripada Musa, Isa dan Muhammad, Buddha, Zarathustra, Lao-Tzu, Confucius, dan para utusan agama Hindu (Gulen, 2003).

Hal ini turut berpasak daripada tradisi kenabian yang dicatatkan dalam Hadis bahawa Isa akan kembali apabila dunia ini akan berakhir. Tujuan kembalinya Isa adalah untuk mengembalikan nilai-nilai kasih sayang, keamanan, persaudaraan, kemaafan, pemurah, belas kasihan, dan penyucian rohani sebagaimana suatu masa dahulu pada zaman baginda. Pengutusan Isa kepada bangsa Yahudi juga secara langsung menunjukkan bahawa para Nabi daripada bangsa tersebut turut menekankan tentang nilai-nilai kebaikan sejagat. Justeru, ia menjadi titik pertemuan dan usaha ini perlu diteruskan dengan membudayakan dialog antara Islam, Kristian dan Yahudi (Gulen, 2003).

Terdapat banyak titik penting dalam dialog antara penganut Islam, Kristian dan Yahudi. Sebagaimana yang pernah diutarakan oleh Michael Wyschogrod, seorang profesor falsafah dari Amerika, wujudnya banyak teori dan elemen akidah yang boleh mendekatkan antara Muslim dan Yahudi sebagaimana dekatnya hubungan antara Kristian dan Yahudi. Bahkan secara teoritikal dan praktikal, sejarah dunia Islam merekodkan hubungan yang baik dalam berhadapan dengan bangsa Yahudi. Dikatakan hampir tiadanya diskriminasi, tiada Holocaust, penafian kepada asas hak kemanusiaan, atau genosid. Malah ketika bangsa Yahudi dalam pembuangan daripada Andalusia, mereka diberikan suaka oleh kerajaan Uthmaniyyah (Gulen, 2003).

### 3.1 Toleransi dan Dialog Antara Agama

Gulen (2012) dalam makalahnya *Tolerance and Dialogue in the Perspective of the Qur'an and Sunna* menjelaskan, al-Quran sentiasa menekankan sikap memaafkan dan toleransi sebagai prinsip utama, selaras dengan sifat golongan ibad al-Rahman (hamba kepada Yang Maha Pemurah). Karakter golongan *"ibād al-Rahmān"* dijelaskan dalam al-Quran;

*"Dan hamba-hamba (Allah) Ar-Rahman (yang direndai-Nya), ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun dan apabila orang-orang yang berkelakuan kurang adab, hadapkan kata-kata kepada mereka, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak diingini" (Surah al-Furqan 25: 63)*

“Dan mereka (yang diredai Allah itu ialah orang-orang) yang tidak menghadiri tempat-tempat melakukan perkara-perkara yang dilarang dan apabila mereka bertembung dengan sesuatu yang sia-sia, mereka melaluinya dengan cara membersihkan diri daripadanya.” (Surah al-Furqan 25: 72)

“Dan apabila mereka mendengar perkataan yang sia-sia, mereka berpaling daripadanya sambil berkata: Bagi kami amal kami dan bagi kamu pula amal kamu; selamat tinggallah kamu; kami tidak ingin berdamping dengan orang-orang yang jahil.” (Surah al-Qasas 28: 55)

Antara input umum daripada ayat ini adalah golongan *‘ibād al-Rahmān* ketika berhadapan dengan ucapan golongan yang kurang beradab dan jahil mereka tidak membalasnya melainkan dengan cara yang paling baik. Golongan ini tidak bertindak menurut kemauhan nafsunya sendiri. Watak yang berjaya adalah yang bersifat toleransi dan lemah lembut, sebagaimana ketika Allah s.w.t. mengutus Nabi Musa dan Nabi Harun kepada Firaun, sekalipun Firaun mengakui dirinya sebagai Tuhan, Allah s.w.t. tetap memerintahkan seruan kepadanya dalam nada yang sabar dan lemah lembut. Hal yang sama ditonjolkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. terhadap musuhnya.

Umpamanya ketika pembukaan kota Mekah, Nabi Muhammad s.a.w. memberikan jaminan kepada mereka yang berlindung dalam rumah Abu Sufyan, walhal Abu Sufyan sebelum itu merupakan individu yang paling tinggi permusuhan kepada Islam dan banyak menzalimi Nabi dan umat Islam. Manakala kalangan pengikut agama yang berbeza juga Islam mengajar untuk berdialog dan bersikap toleran lebih-lebih lagi kepada Ahli Kitab sebagaimana dalam Firman Allah yang bermaksud:

“Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu Kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah dan kita tidak sekutukan dengan-Nya sesuatu jua pun dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewakan selain dari Allah. Kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling (enggan menerima) maka katakanlah kepada mereka: Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam.” (Surah Ali Imran 3:64)

Menurut Gulen (2012), dalam konteks berdialog dengan Ahli Kitab, ia perlu berlangsung dengan cara yang baik sebagaimana tuntutan al-Quran. Kata-kata Said al-Nursi “mereka yang bergembira dengan kekalahan pihak lawannya dalam perdebatan bukanlah kalangan yang memiliki sifat belas kasihan” seharusnya memberikan pengajaran buat pihak yang terlalu obses kepada kemenangan dalam perdebatan. Perdebatan tidak sepatutnya dilakukan kerana sifat keegoan, melainkan untuk menzahirkan kebenaran (Gulen, 2006). Justeru dalam hal ini, prinsip-prinsip persefahaman, hormat, keadilan tidak boleh diabaikan dalam sesebuah dialog atau perdebatan. Ia hanya boleh dicapai melalui persekitaran yang baik ketika berdialog. Berurusan dengan Ahli Kitab adalah dibenarkan, selagi mana mereka bukanlah kalangan pihak yang zalim atau mengisyitharkan permusuhan kepada umat Islam. Allah berfirman:

“Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu) dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.” (Surah al-Maidah 5: 8)

Ironinya ratusan ayat al-Quran membahaskan tentang dialog sosial dan toleransi. Justeru, konsep toleransi yang diajarkan Islam bukan sahaja terpakai kepada Ahli Kitab, bahkan kepada semua pihak. Dalam berdialog, Gulen (2006) meletakkan empat rukun utama, iaitu: cinta, berbelas kasihan, toleransi dan memaafkan. Keempat-empat rukun yang mempunyai nilai universal ini merupakan tuntutan dalam agama. Umpamanya cinta yang merupakan elemen yang penting dalam setiap kehidupan. Ia menjadi pencetus dan pemangkin kepada pembinaan jiwa manusia. Melalui cinta

seseorang itu mampu bangkit dan memandu kepada tindakan seseorang. Peribadi yang mempunyai cinta yang tinggi pasti disebut dan dikenang walaupun selepas kematiannya. Cinta berakar dari hati dan sampai kepada hati seseorang. Sebagaimana para Nabi mengajarkan tentang cinta kepada umatnya, meskipun mereka ditolak oleh sebahagian dari kaumnya, wujud sebahagian umat lain yang menerima mereka.

Manakala sifat belas kasihan adalah kepada semua kehidupan lebih-lebih lagi dalam konteks sebagai seorang manusia. Semakin ramai manusia yang berbelas kasihan, maka semakin mulia diri mereka, begitu juga dengan mereka yang berlaku zalim. Bahkan dalam Hadis menyebutkan bahawa seorang pelacur dimasukkan ke dalam syurga disebabkan sifat belas kasihan beliau terhadap seekor anjing yang hampir mati kehausan (al-Bukhari, Hadis no. 2365), sementara ada perempuan yang masuk ke dalam neraka kerana membiarkan kucingnya mati dalam kelaparan (al-Bukhari, Hadis no. 3143; dan Muslim 2245).

Selain itu, sifat pemaaf juga merupakan suatu nilai kemuliaan yang tinggi sebagaimana kata pepatah, “untuk melakukan kesilapan adalah manusia, untuk memaafkan adalah Tuhan” (*To err is human, to forgive divine*). Oleh kerana itu, menjadi seorang pemaaf adalah dengan membaiki, pengembalian kepada diri yang asal. Justeru, semua ciptaan sama telah diperkenalkan kepada kemaafan melalui nilai kemanusiaan. Sebagaimana Tuhan menunjukkan sifat kemaafan-Nya kepada manusia. Umpamanya dalam peristiwa Adam yang khilaf dalam melakukan kesilapan, Tuhan memberikan keampunan kepadanya dan mengangkat martabatnya kepada makam kenabian, usai dia kembali memohon kemaafan kepada Tuhan. Hal yang sama diperlihatkan dalam peristiwa seorang wanita yang hendak direjam di atas dosa yang dilakukan. Ketika manusia tidak sabar untuk merejamnya, Isa berkata: biarkan seseorang yang langsung tidak mempunyai dosa untuk menjadi individu pertama yang merejam.” Dengan erti kata lain, tidak ada sesiapa yang tidak ada melakukan kesilapan, justeru kemaafan adalah jalan yang terbaik. Seterusnya adalah toleransi yang kadang kala merujuk kepada hormat dan belas kasihan, murah hati dan sabar, yang kesemuanya merupakan elemen penting dalam sistem moral. Di bawah toleransi wujudnya merit untuk orang beriman mencapai suatu kedudukan yang lebih tinggi (Gulen, 2006).

Kewujudan pelbagai cabaran khususnya dalam mengendalikan perbezaan menjadikan dialog sebagai suatu kemestian pada hari ini. Menurut Gulen (2006), langkah utama dalam melaksanakannya adalah dengan melupakan masa lalu, mengabaikan polemik perbahasan, dan memberi keutamaan kepada isu persamaan. Di Barat, beberapa perubahan boleh dilihat berdasarkan sikap ilmuwan dan agamawan mereka terhadap Islam. Antaranya Massignon, Charles J. Ledit, Y. Moubarac, Irene-M. Dalmais, L. Gardet, Norman Daniel, Michel Lelong, H. Maurier, Olivier Lacombe, dan Thomas Merton yang menzahirkan sikap keterbukaan terhadap Islam dan mengiktiraf keabsahan agama sama ada dari aspek autentik sumber dan kebenaran Rasul yang diutus. Kesemua mereka mendokong kepada usaha-usaha dialog (Gulen, 2006). Justeru, sikap keterbukaan mereka wajar dibalas dengan sikap yang sama oleh umat Islam.

#### 4.0 Sumbangan terhadap Dialog Antara Agama

Di Turki, Gulen tampil untuk mempromosikan dialog antara budaya di peringkat lokal dengan mengadakan pertemuan dengan tokoh agamawan yang tersohor khususnya kalangan penganut agama Usulan Nabi Ibrahim (*Abrahamic Faith*). Dalam setiap pertemuan, Gulen selalu menekankan:

*“Kita semua beriman kepada Tuhan yang sama. Kita mungkin berbeza pandangan dalam memahami sesuatu perkara, namun mengapa perbezaan tersebut perlu dijadikan alasan untuk saling menjauhkan kita daripada bekerjasama dalam membangunkan nilai kemanusiaan serta memandunya menuju kepada Tuhan? Kenapa kita perlu membiarkan perbezaan kalangan kita memisahkan antara satu sama lain.”* (Trudy D. Conway, 2014)

Keterlibatan dan komitmen Gulen dalam aktiviti dialog antara agama tidak asing lagi sejak sedekad yang lalu. Di Turki, Gulen sangat dihargai kerana telah membina persekitaran yang baik dalam menghubungkan komuniti agama khususnya antara majoriti Muslim dengan penganut agama minoriti seperti Greek Ortodoks, Armenia Ortodoks, Katolik, dan Yahudi. Manakala di luar Turki, idealisme Gulen tentang dialog antara agama berjaya menginspirasikan banyak pertubuhan dialog yang menekankan kepada objektif yang sama seperti persefahaman, penerimaan empati, keharmonian dalam kehidupan dan kerjasama. Atas sumbangannya yang signifikan dalam menyuburkan dialog dan sifat toleransi antara penganut agama, beliau mendapat pengiktirafan peribadi oleh Pope John Paul II, undangan daripada Ketua Rabbi Sephardic Israel dan pemimpin Kristian dari pelbagai mazhab untuk bersama-sama dalam perbincangan (Trudy D. Conway, 2014).

Gulen komited dalam sokongannya terhadap penamatkan konflik di Timur Tengah melalui dialog dengan pemimpin agama sebagai solusi. Dalam pertemuannya pada tahun 1998 dengan Pope John Paul II di Vatikan, Gulen pernah mencadangkan langkah-langkah konkret yang boleh diambil untuk mengekalkan keamanan di rantau ini yang masih wujud penganut agama-agama Usulan Nabi Ibrahim (*Abrahamic Faith*). Bahkan gerakan Gulen, *Hizmet* turut bekerjasama dalam menjalankan pelbagai aktiviti yang menghubungkan individu sama dalam perbincangan, seminar, makan malam, dan setiap medium yang membolehkan antara mereka bertemu dan berdialog (Trudy D. Conway, 2014).

Di bawah pengaruh Gulen, pemimpin kepada komuniti sekular Turki digalakkan untuk turut terlibat dalam program-program tersebut dengan menyasarkan kepada mempromosikan persefahaman dan pertukaran pandangan secara hormat, walaupun antara setiap kumpulan dilihat saling bertentangan. Usaha Gulen dan gerakannya tidak terhenti di sini, apatah lagi ia mendapat sambutan dan sokongan penuh daripada setiap pihak yang menyertai program anjurannya. Justeru, pergerakan Hizmet mula melebarkan sayap pengaruhnya dengan membina Pusat Dialog di luar Turki atas tujuan yang sama khususnya di negara-negara minoriti Muslim. Di Amerika Syarikat sehingga kini telah wujud beberapa pusat dialog, antaranya Yayasan Niagara di Chicago, Pusat Istanbul Atlanta, Pusat Pacifica di Los Angeles, dan dua Pusat Dialog Antara Agama di New Jersey dan Texas.

Begitu juga di beberapa tempat di Eropah, Amerika Selatan, dan Timur Jauh. Kewujudan pusat-pusat berperanan sebagai jambatan dalam menghubungkan antara penganut agama dan budaya (Trudy D. Conway, 2014). Antaranya Kerusi Nursi untuk Pengajian Islam di bawah John Carroll University di Ohio, Kerusi Fethullah Gulen untuk Kajian Islam dan Hubungan Muslim-Katolik di bawah Australian Catholic University di Melbourne, Kerusi Fethullah Gulen di bawah Universiti Syarif Hidayetullah Islam di Indonesia, Institut Gulen di Universiti Houston, dan Kerusi Fethullah Gulen di Kajian Antara Budaya di bawah Catholic University of Leuven di Belgium (Saleh Yucel, 2013). Apa yang menarik, pusat-pusat ini bukan sahaja ditubuhkan pendokong Gulen yang beragama Islam, bahkan kalangan bukan Islam turut bersama mendokong idealisme Gulen.

## 5.0 RUMUSAN

Pemikiran Gulen dalam dialog antara agama bertitik tolak daripada pembentukan pendidikan awal beliau. Signifikan dengan pengaruh Said al-Nursi di kampungnya Gulen dibesarkan dalam *Islamic culture* lebih-lebih lagi bapanya sebagai seorang agamawan yang menitik beratkan soal agama kepada beliau. Kalangan guru-guru Gulen adalah pengamal tasawuf dan mengikut aliran tertentu dalam terekat. Justeru elemen kesufian menjadi teras pencorakan pemikiran Gulen walaupun beliau berkecimpung dalam disiplin ilmu sains moden dan falsafah Barat. Pengaruh Said al-Nursi signifikan kepada visi Gulen dalam berhadapan dengan cabaran semasa khususnya melibatkan pertembungan antara peradaban dan agama. Bagi Gulen, sebagaimana Said al-Nursi, isu yang berlaku pada hari ini

bukanlah pertembungan antara peradaban Islam dan Barat, atau antara agama khususnya kalangan Islam dan Kristian.

Akan tetapi disebabkan wujudnya pakatan antarabangsa yang berdogma materialisme mempunyai agenda untuk memesongkan masyarakat dengan ketamakan, kerakusan kuasa dan kezaliman. Justeru kalangan penganut agama seperti Islam dan Kristian perlu saling berganding bahu dalam menentang musuh yang sama. Dalam hal ini, perlunya kepada pembinaan hubungan antara kedua-dua agama berdasarkan kepada asas teologi. Dialog antara dua komuniti agama ini, telah membawa Islam kembali kepada asal permulaannya, sebagaimana al-Quran mempelawa penganut Kristian berdialog atas dasar pengakuan kepada Tuhan yang Satu, menyuruh Muslim untuk berdialog dengan Kristian dalam bentuk yang penuh sopan, lebih-lebih lagi dunia pada hari ini dapat menyaksikan sejumlah tokoh sarjana Barat yang tampil mempertahankan Islam daripada tohmahan yang tidak benar.

Sekalipun tidak mencapai kesepakatan dalam soal teologi, kalangan penganut agama masih boleh mencari titik pertemuan dalam nilai sejagat dan kemanusiaan. Selain itu, agama dan sains yang ditafsirkan oleh penganut faham materialisme sebagai suatu yang saling bertentangan perlu ditangani dengan pembuktian hubungan yang signifikan dan relevan antara kedua-duanya. Hal ini ditekankan oleh Gulen dalam siri wacana serta tulisan-tulisan mereka dalam mengharmonikan antara sains dan agama persis apa yang pernah cuba dibawa oleh Said al-Nursi. Pendekatan Gulen dalam meneruskan legasi ini dilihat bersistematik dan berstrategik, lebih-lebih lagi dengan kewujudan gerakan Gulen atau *Hizmet*. Idea Gulen dikembangkan serta disebar luaskan ke seluruh pelosok tanah air dan luar negara, khususnya dalam sektor pendidikan melalui pembinaan puluhan institusi pendidikan dan penyelidikan, selain daripada penghasilan buku dan jurnal serta media massa. Bahkan di pihak pergerakan Gulen mempunyai hospital yang berkONSEPkan kebajikan.

## Rujukan

- Al-Qur'an. *Terjemahan al-Qur'an: Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. (2001). Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Bulent Aras and Omer Caha. (2000). *Fethullah Gulen and His Liberal 'Turkish Islam' Movement*. Middle East Review of International Affairs 4 (4): 30–42.
- Conway, Trudy D. (2014). *Cross-Cultural Dialogue on the Virtues: The Contribution of Fethullah Gülen*. Cham: Springer.
- Gulay, Erol Nazim. (2007). *The Theological Thought of Fethullah Gülen: Reconciling Science And Islam*. MPhil Thesis. Oxford University.
- Gulen, Fethullah. (2003). *Introduction*. <http://en.fgulen.com/about-fethullah-gulen/251-fethullah-gulens-speeches-and-interviews-on-interfaith-dialogue/1334-introduction>. Diakses pada: 26 Ogos 2015
- Gulen, Fethullah. (2006). *Dialogue is a Must*. <http://en.fgulen.com/about-fethullah-gulen/251-fethullah-gulens-speeches-and-interviews-on-interfaith-dialogue/1336-dialogue-is-a-must>. Diakses pada: 26 Ogos 2015
- Gulen, Fethullah. (2006). *Dialogue with the People of the Book (Jews and Christians)*. <http://en.fgulen.com/about-fethullah-gulen/251-fethullah-gulens-speeches-and-interviews-on-interfaith-dialogue/1341-dialogue-with-the-people-of-the-book-jews-and-christians>. Diakses pada: 26 Ogos 2015
- Gulen, Fethullah. (2006). *Love, Compassion, Tolerance, and Forgiving: The Pillars of Dialogue*. <http://en.fgulen.com/about-fethullah-gulen/251-fethullah-gulens-speeches-and-interviews-on-interfaith-dialogue/1342-love-compassion-tolerance-and-forgiving-the-pillars-of-dialogue>.

interfaith-dialogue/1339-love-compassion-tolerance-and-forgiving-the-pillars-of-dialogue. Diakses pada: 26 Ogos 2015

Gulen, Fethullah. (2006). *Tolerance and Dialogue in the Perspective of the Qur'an and Sunna*. <http://en.fgulen.com/about-fethullah-gulen/251-fethullah-gulens-speeches-and-interviews-on-interfaith-dialogue/1340-tolerance-and-dialogue-in-the-perspective-of-the-quran-and-sunna>. Diakses pada: 26 Ogos 2015

Gulen, Fethullah. (2012). *Toward a Global Civilization of Love and Tolerance*. New Jersey: Tughra Book

Gulen, Fethullah. <http://en.fgulen.com/about-fethullah-gulen/251-fethullah-gulens-speeches-and-interviews-on-interfaith-dialogue>. Diakses pada: 26 Ogos 2015

Gulen, Fethullah. *Years of Education*. (2011). <http://en.fgulen.com/fethullah-gulen-biography/751-years-of-education>. Diakses pada: 26 Ogos 2015

Günter Seufert. (2014). *Is the Fethullah Gülen Movement Overstretching Itself?*. Berlin: Stiftung Wissenschaft und Politik.

Iran Chamber Society. *History of Ayatollah Khomeini*. [http://www.iranchamber.com/history/rkhomeini/ayatollah\\_khomeini.php#sthash.77vaumHb.dpuf](http://www.iranchamber.com/history/rkhomeini/ayatollah_khomeini.php#sthash.77vaumHb.dpuf). Diakses pada: 12 November 2015

Koc, Dogan. (2011). Strategic Defamation of Fethullah Gulen: English vs . Turkish. *European Journal of Economic and Political Studies* 4/11 4 (1): 189–244.

Schleifer, Abdallah (Ed.). (2015). *The Muslim 500: The World's 500 Most Influential Muslims*. Amman: The Royal Islamic Strategic Studies Centre.

Yucel, Salih. (2010). Fethullah Gülen: Spiritual Leader in a Global Islamic Context. *Journal of Religion & Society* 12: 1–19.